

07 JAN 2003

Ling-Jawatan/I

LING LIONG SIK HANTAR SURAT LETAK JAWATAN KEPADA DR M

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini mengumumkan bahawa beliau telah mengemukakan surat perletakkan jawatannya daripada Kabinet.

Surat yang tidak bertarih itu dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 Ogos lepas, kata Dr Ling.

Dr Ling memberitahu pemberita selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, hari ini, bahawa Dr Mahathir ada memaklumpkannya menerima surat itu tetapi belum membuat keputusan mengenainya.

"Ia terpulang kepada Perdana Menteri untuk memutuskan," katanya.

Sebelum itu dalam persidangan berita selepas mesyuarat BN itu, Dr Mahathir tidak menyatakan apa-apa mengenai hasrat Dr Ling untuk berundur.

Dr Ling berkata beliau telah memberitahu Perdana Menteri, semasa mengemukakan surat itu yang beliau sedia berundur selepas pembukaan rasmi Universiti Tuanku Abdul Rahman (UTAR) pada 13 Ogos lepas.

Beliau berkata: "Ia waktu yang paling sesuai untuk bersara. Dengan pembukaan UTAR, saya telah selesai menjalankan tugas saya bagi negara. Saya rasa saya tidak boleh berbuat banyak lagi."

"Saya rasa agenda saya sudah lengkap," katanya.

" Saya cuba bersara pada tahun 2000, dan tidak berjaya," katanya merujuk kepada hasrat beliau untuk bersara daripada Kabinet yang ditolak oleh para penyokongnya dan seterusnya beliau menarik balik hasratnya itu.

Dr Ling berkata, beliau tidak kesal dengan keputusannya untuk meninggalkan jawatan Kabinet, dan bersiap sedia secara mental dalam mengharungi alam persaraan.

Dr Ling yang juga presiden MCA pertama kali mengumumkan hasratnya untuk berundur daripada Kabinet pada 22 Mei, 2000, tetapi beliau dinasihatkan oleh Perdana Menteri untuk menimbang balik keputusannya itu.

Selepas bercuti lama, Dr Ling pada 6 Jun, 2000 mengumumkan beliau sedia meneruskan dengan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan, jawatan yang dipegangnya sejak 1986.

Ditanya pemberita sama ada beliau mahu berundur kerana kes mahkamah yang membabitkan beliau, Dr Ling menafikannya dan berkata: " Saya telah menjelaskan semua kes saya di mahkamah," dan menambah kata: "Semua itu pembohongan."

Mengenai jawatannya dalam parti, Presiden MCA itu berkata ia terpulang kepada anggota-anggota parti untuk memutuskannya.

Ditanya lagi apa yang beliau mahu lakukan selepas bersara, beliau secara berseloroh berkata: "Yang pasti ialah saya tidak akan kembali mengamalkan perubatan oleh kerana saya telah lupa nama semua ubat."

Mengenai kerjaya politiknya, Dr Ling berkata: "Saya terhutang budi kerana dapat berbakti kepada negara dan juga terhutang budi kepada Perdana Menteri dan negara."

Dr Ling, seorang lulusan jurusan perubatan daripada University of Singapore, mula bergiat aktif dalam politik pada 1974 apabila beliau dipilih sebagai anggota Parlimen Mata Kuching, di Pulau Pinang.

Pada 1976, beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, dan lebih setahun selepas itu berpindah ke Kementerian Penerangan dan pada 1982 ke Kementerian Kewangan, kedua-duanya dalam jawatan yang sama.

Pada 28 Mac, 1984, beliau meletakkan jawatan sebagai Timbalan Menteri Kewangan ekoran pemecatan beliau daripada MCA selepas tercetus krisis dalam

parti itu. Beliau merupakan antara 14 anggota MCA dalam kumpulan yang diketuai oleh Tan Koon Swan.

Beliau diterima masuk semula ke dalam parti pada 18 Feb, 1985 dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan dan setahun kemudian dilantik sebagai Menteri Pengangkutan menggantikan Tan Sri Chong Hon Nyan yang bersara.

-- BERNAMA.

HK ZS PR